



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN KAJIAN PEMBENTUKAN DNA UiTM



LAPORAN KAJIAN
PEMBENTUKAN
DNA
UiTM



© IMPAK UiTM 2021

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

e-mel: impakuitm@uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data
Pengkatalogan - dalam - Penerbitan

“Laporan Kajian Pembentukan DNA UiTM”

ISBN 978-967-11172-7-9

1. Laporan Kajian Pembentukan DNA UiTM
 2. College administrators--Malaysia.
 3. Education, Higher--Malaysia.
- I. Judul.

Dicetak di Malaysia oleh :

Pusat Percetakan UiTM
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Malaysia

EDITORIAL

Penaung

Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Naib Canselor, UiTM

Penasihat

Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM

Pengerusi

Prof. Dr. Amer Shakir Zainol

Pengurus Produksi

Ts. Mudiana Mokhsin @ Misron

Penolong Pengurus

Dr. Khairudin Murad

Panel Editor dan Penyelidik

Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi (TNC HEP, UiTM)
Prof. Dr. Amer Shakir Zainol (IMPAK)
Prof. Ir. Dr. Haji Abdul Rahman Omar, JSM
Ts. Mudiana Mokhsin @ Misron (IMPAK/FSKM)
Dr. Afdallyna Fathiyah Harun (FSKM)
Ts. Dr. Wan Norhayati Wan Hanafi (FSG)
Nur Huda Nabihan (FSKM)
Umaimah Kamarulzaman (APB)
Mohd Husni Bin Mohd Som (IMPAK)

Pengurus Operasi

Mohammad Sufian Abdul Manan

Grafik

Hussien Harnis

Imej dan Foto

Jabatan Arkib Universiti
Jabatan Komunikasi



CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UTM)



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ISI KANDUNGAN

EDITORIAL	3
1.0 PENGENALAN MODEL DNA UiTM	6
2.0 DEFINISI DNA UiTM	11
3.0 OBJEKTIF PEMBENTUKAN MODEL DNA UiTM	13
4.0 PEMBENTUKAN MODEL DNA UiTM	15
5.0 METODOLOGI KAJIAN PEMBENTUKAN MODEL DNA UiTM	19
6.0 DEFINISI PESAT	27
7.0 DEFINISI SETIAP ATRIBUT PESAT	29
7.1 PEMIKIRAN	31
7.2 EMOSI	35
7.3 SEMANGAT	39
7.4 ASPIRASI	43
7.5 TINGKAH LAKU	47
8.0 KESIMPULAN	53
9.0 SOALAN LAZIM BERKAITAN MODEL DNA UiTM	55
10.0 LIRIK LAGU "BANGSA BERILMU BERJAYA"	59
PENGHARGAAN	60



1.0 PENGENALAN MODEL DNA UiTM

Pada umumnya, Identiti Organisasi (IO) adalah kemampuan sesebuah organisasi untuk menentukan ciri-ciri teras yang tersendiri, khusus dan lestari. Melihat dari sudut fungsi, konstruk sosial, pascamodenisme dan psikodinamik, IO ini menekankan dialektik dalaman luaran identiti kolektif pemegang taruh di dalam sesebuah organisasi tersebut dan diwarisi daripada satu generasi ke generasi seterusnya. Berdasarkan identiti yang terbentuk, IO lahir melalui bentuk, fungsi, tingkah laku dan emosi.

Secara ringkasnya, IO boleh dianggap penjelmaan warisan identiti warganya dan juga sebaliknya. Mengenali asal usul atau salasilah sesuatu identiti adalah fitrah. Perkara ini dapat dilakukan dengan melihat secara jelas dan secara bersama segala dimensi yang tercerap dalam DNA kita. Jelasnya, ini dilakukan bagi melihat kecenderungan terhadap



kekuatan lahiriah dan batiniah benda hidup tersebut. Konsep penjelmaan identiti boleh dirujuk kepada konsep identiti Asid Deoksiribonukleik. (juga dikenali dengan kependekan bahasa Inggerisnya DNA iaitu *Deoxyribonucleic Acid*) merupakan komponen kimia utama kromosom yang menghasilkan gen. Menariknya, gejala ini kerap dipanggil molekul warisan atas keadaannya yang boleh mewariskan sifat-sifat daripada organisma induk.

Menggunakan istilah DNA sebagai metafora, sekumpulan penyelidik akademik UiTM bersama IMPAK mengambil inisiatif bagi menjalankan satu kajian pembedahan Model DNA. Aspirasi utama pembentukan model ini ialah bagi menggambarkan warisan warga UiTM yang mempunyai ikatan utuh sesebuah keluarga dalam konteks ini, merujuk kepada UiTM

sebagai sebuah organisasi. UiTM merupakan sebuah organisasi unggul yang berperanan dalam memajukan Melayu Bumiputera supaya menjadi satu bangsa yang cemerlang berusaha, bertaqwa dan mulia. Berinspirasi moto, **Usaha, Taqwa, Mulia**, UiTM mempunyai tanggungjawab besar untuk menyemai nilai integriti serta perpaduan yang utuh dalam kalangan warganya. Pembentukan Model DNA UiTM ini dipercayai dapat meningkatkan semangat jati diri UiTM, mendukung perancangan strategik universiti dan seterusnya melahirkan warga lestari berfikiran global dan bersikap rumpun selain dapat menerapkan semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan perjuangan anak bangsa.









2.0 DEFINISI DNA UiTM

Kod-kod genetik yang membentuk jati diri bangsa berilmu dan berkemahiran dalam menerokai variasi kehidupan seiring daya juang insan untuk berjaya menerajui ketamadunan sejagat.



MENARA SULTAN ABDUL AZIZ SHAH



3.0 OBJEKTIF PEMBENTUKAN MODEL DNA UiTM

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai objektif yang berikut:

1. Mengetahui pasti DNA warisan warga UiTM yang mempunyai jiwa terhadap organisasi UiTM.
2. Menganalisis data yang diperolehi dari kaedah pengumpulan data secara kualitatif.
3. Membentuk sebuah model DNA UiTM yang dapat dijadikan rujukan bagi pihak pengurusan atasan dalam pelaksanaan perancangan strategik dan pembentukan modal insan.





4.0 PEMBENTUKAN MODEL DNA UiTM

Dalam bidang penyelidikan, terdapat dua jenis data yang wujud, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data asli atau data mentah yang diperoleh daripada sumber pertama manakala data sekunder pula adalah data yang telah diolah dan tidak terhasil daripada kajian lapangan yang dilakukan. Dalam pembentukan model DNA UiTM, beberapa siri percambahan fikiran (*brainstorming*), pembacaan bahan-bahan penulisan dari arkib UiTM serta sesi temu bual bersama individu yang signifikan dengan UiTM telah dijalankan sepanjang tahun 2020. Bahan penulisan yang terlibat adalah skrip ucapan Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Arshad Ayub yang tidak asing lagi daripada entiti UiTM. Tidak dapat dinafikan peranan besar yang dimainkan oleh beliau ketika penubuhan RIDA yang kemudiannya


berevolusi ke Kolej MARA, seterusnya ke Institut Teknologi MARA sehinggalah kini menjadi UiTM. Sehubungan dengan itu, skrip-skrip beliau dirujuk sebagai pesanan warisan yang merangkumi inspirasi penubuhan entiti sehingga kelestarian warisan organisasi. Selain daripada skrip ucapan, bahan ilmiah yang turut dirujuk adalah penulisan buku oleh mantan Naib Canselor, iaitu "Menyingkap Pengurusan Universiti" dan "Falsafah Mim: Membina Minda Melayu" oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Ibrahim Abu Shah, "Mencorak Destini" oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Sri Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar dan "Syahadan: Menyingkap 5 Nilai-nilai Murni Untk Sukses" oleh Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim.

4.1 Data Primer

Bagi memenuhi keperluan kajian untuk mendapatkan kepelbagaian sumber maklumat, sesi temu bual telah dijalankan dengan beberapa individu penting seperti Yang Berbahagia Naib Canselor serta mantan-mantan Naib Canselor UiTM yang telah berkhidmat daripada awal penubuhan UiTM sehinggalah yang mutakhir. Kandungan sesi temu bual ini membolehkan pemahaman daya strategik yang berteraskan kekuatan identiti UiTM, seterusnya melihat kepada perancangan masa depan yang meraikan identiti UiTM secara global. Perolehan data ini dijadikan sumber primer dalam kajian ini.

4.2 Data Sekunder

Bagi memperkukuh data primer yang diperolehi, data sekunder turut dikumpulkan bagi mengembangkan lagi hasil analisis kajian ini. Kajian ini telah menggunakan bahan-bahan seperti buku-buku ilmiah, biografi, serta makalah-makalah, laporan formal, dan sebagainya. Penghasilan data sekunder ini dilihat relevan dan bersesuaian kerana turut menyumbang kepada pemerolehan data korpus DNA UiTM yang sekali gus menjadi rujukan kepada pembinaan kerangka Model DNA UiTM.



Congratulations

Fatin Najwa Azman
Association of Chartered
Certified Accountants (ACCA)

#1 in Malaysia
#9 in the world
Audit & Assurance (AA)

From:
The Vice Chancellor,
the Executive Management
& The University Fraternity



Congratulations

Putera Aiman Abdul Rasyid
Foundation in Accountancy

#1 in Malaysia
#2 in the world
Maintaining Financial Records (FA2)

From:
The Vice Chancellor,
the Executive Management
& The University Fraternity



Tahniah & Syabas

kepada
Muhammad Haziq Jaisulcin
Dineh Zheir Zainuddin
Nurul Syafiqah Zamri
Mohammad Taquddin Abdul Khalim Zapri

Pelajar
Bach Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian)

JOHAN
YEDIAAN dan PEMBENTANGAN DASAR
Judea Institut Pengajian Tinggi Malaysia

CONGRATULATIONS
Faculty of Music

for winning

GOLD MEDAL
1st Prize World Champion
(UTM Women's Chorale)

GOLD MEDAL
and Martin Foundation
Special Award for Performance
(UTM Chamber Choir)

at Prague Cantant in Prague,
Czech Republic

From: The Vice Chancellor and the University Fraternity

Tahniah dan Syabas

• Pasukan Golden Hornbill Drumline
(Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak)

JUARA
2017 Hong Kong
International Youth Marching
Band Competition

Daripada: Naib Canselor & Seluruh Warga UTM

CONGRATULATIONS FSPU

to FSPU for winning.

Grand Prize Winner (RM1500)
Rozita Zahira Bin Mohd Nasrudin
Azul Azlan Bin Yusoff
Nor Azzah Binte Zulkarnaen
Muhammad Adha Usamah Bin Zaen

2nd Runner Up Winner (RM500)
Muhammad Nazam Bin Mohd Anwar
Nor Hafidz Binte Nurhafidza Sofea
Nor Akhmal Alwan Anwar
Muhammad Syafiq Bin Mohd Azwan Subhanudin

Final for Residential Gold GBI Project
Competition
Project Management Day 2016 at USM

TAHNIH FSPU

kepada FSPU
Johan
RM 10,000

MediCity 2016
1. Nur Hafidz Binte Nurhafidza Sofea
2. Nur Hafidz Binte Nurhafidza Sofea
3. Nur Hafidz Binte Nurhafidza Sofea
4. Nur Hafidz Binte Nurhafidza Sofea

MEDINI INNOVATION CHALLENGE 2016
"SMART CITY"

Daripada: Naib Canselor & Seluruh Warga UTM
Gang 1 Batu Bujur, Kompleks Canselor & Penyelenggaraan, Universiti Teknologi MARA

CONGRATULATIONS

Jasmine Ho Abdullah
Mifzal Mohammed

for becoming the
CHAMPION

at
Malaysian National Inter-Varsity
Debating Championship
25 - 27 Nov 2016
Asia Pacific University

From: The Vice Chancellor and the University Fraternity

Tahniah & Syabas

kepada
Pasukan Debat UTM

JOHAN
Cabaran Debat Muda 212
Pendebat Terbaik, Keseluruhan
Pendebat Terbaik, Pertandingan Akhir

CDM 212 Edisi ke-5
Universiti Teknologi Petronas

Daripada: Naib Canselor & Seluruh Warga UTM
Gang 1 Batu Bujur, Kompleks Canselor & Penyelenggaraan, Universiti Teknologi MARA

Tahniah & Syabas

kepada
Adom Muhammad Taufiq Mohamad Suharto
(Bach Sarjana Muda Kejuruteraan Terapan
Kotak Aritm Tindakan dan Analisis (BIA))

JUARA
Pertandingan Pidato ASEAN
Piala Aminuddin Baki

di
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Daripada: Naib Canselor & Seluruh Warga UTM
Gang 1 Batu Bujur, Kompleks Canselor & Penyelenggaraan, Universiti Teknologi MARA

Tahniah & Syabas
UTM FC
Cipta Sejarah

Pasukan Universiti Pertama
yang akan beraksi di pentas Piala Malaysia 2017

Daripada: Naib Canselor & Seluruh Warga UTM

Pelajar UTM ..
Cawangan Kedah
Pemenang
Anugerah
Kepimpinan

Keluarga UTM

UTM GEMILANG 2021

FAKULTI DEBARANGAN

Dua orang lagi pelajar Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA (UTM) meneruskan kecemerlangan dengan menerima anugerah pencapaian tertinggi dalam peperiksaan program perakaunan profesional sesi September 2021. Nur Afiqah Binti Mohamad Fazi, mendapat tempat pertama di Malaysia dan tempat ketujuh di dunia bagi kertas Advance Performance Management (APM). Mahakala Nur Izzah Zarifah Binti Mohd Zahri, mendapat tempat pertama di Malaysia dan tempat ketiga di dunia bagi kertas 'Financial Management' (FM).

Pelajar UTM
dinobatkan tempat
pertama di Malaysia
dalam peperiksaan
program
profesional

Keluarga UTM

UTM GEMILANG 2021

UTM CAWANGAN SELANGOR /PUSAT ASASI

Pelajar Plus Tahfiz, Saudara Mohamed Daniel Haziq Haswadi dari program Asasi Kejuruteraan Teras Cemerlang apabila dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Musabaqah Hafazan Al Quran Peringkat Kebangsaan 2021/1443H.

Pelajar Plus Tahfiz Pusat Asasi UTM Johan
di Pertandingan Musabaqah Hafazan Al Quran Peringkat Kebangsaan 2021/1443H

Keluarga UTM



CANSELARI TUAN GURU SYED SIRAJUDDIN

5.0 METODOLOGI KAJIAN PEMBENTUKAN MODEL DNA UiTM

Metodologi kajian pembentukan Model DNA UiTM ini melibatkan 6 fasa, iaitu Mengenal pasti Masalah dan Objektif Kajian, Pengumpulan Data, Mengenal pasti Komponen Pecahan Data, Analisis Data, Pembentukan Model dan Validasi Pembentukan Model. Penjelasan terperinci mengenai setiap fasa tersebut dibincangkan dalam perenggan yang seterusnya.

1. Fasa 1: Mengenal pasti Masalah dan Objektif Kajian

Bagi fasa ini, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah mengenal pasti masalah. Melalui kajian bahan dan temu bual secara rawak yang dilakukan dalam kalangan pengurusan tertinggi, dapat dikenal pasti bahawa UiTM masih belum ada satu model yang mewakili

DNA warga UiTM yang boleh dijadikan rujukan ke arah pembentukan modal insan UiTM. Melihat kepada masalah ini, sekumpulan penyelidik terpanggil untuk melaksanakan kajian ini. Seterusnya, objektif kajian juga dikenal pasti bagi memastikan kajian ini berjaya dilaksanakan seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti DNA warisan warga UiTM yang mempunyai jiwa terhadap UiTM.
2. Menganalisis data yang diperoleh daripada kaedah pengumpulan data secara kualitatif (*content analysis method & data visualization method (word cloud)*) dan *exploration method* (Borang Kaji selidik).
3. Membentuk satu model DNA UiTM yang dapat dijadikan rujukan.

2. Fasa 2: Pengumpulan Data

Bagi fasa yang kedua, iaitu fasa Pengumpulan Data, data yang diperlukan bagi kajian ini telah dikumpulkan yang berasal daripada dua sumber, iaitu sumber data primer dan sumber data sekunder. Bagi sumber data primer, data dikumpulkan daripada skrip ucapan YABhg Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Arshad Ayub dan juga mantan-mantan Naib Canselor UiTM terdahulu yang diperoleh daripada Koleksi Arkib UiTM.



Rajah 1:

Salinan asal koleksi skrip ucapan YABhg Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Arshad Ayub

Seterusnya sesi temu bual dengan dua mantan Naib Canselor UiTM, YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah dan Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan bin Said turut menyumbang kepada pengumpulan data primer ini. Selain itu juga, data primer diperoleh daripada kaji selidik secara eksploratif terbuka ke atas 187 responden yang dipecahkan kepada 6 kategori, iaitu pengurusan tertinggi UiTM yang telah bersara, staf UiTM bukan Melayu, mereka yang di luar sistem UiTM (tiada kaitan dengan sistem UiTM), alumni UiTM, penyelia organisasi daripada latihan industri

dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Melalui kaji selidik ini, responden diminta memberikan lima ciri positif yang menonjol dari pandangan mereka terhadap UiTM dari sudut warganya juga organisasi itu sendiri.

Beralih kepada data sekunder pula, bahan ini dikumpulkan daripada karya penulisan buku oleh mantan Naib Canselor yang mengandungi pengisian melibatkan corak pemikiran, emosi, semangat, aspirasi dan tingkah laku penulis terhadap kejayaan organisasi ini. Antara hasil karya tersebut serta penulisnya adalah seperti yang berikut:

1. Falsafah Mim Membina Minda Melayu oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Ibrahim Abu Shah.
2. Menyingkap Pengurusan Universiti oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr Ibrahim Abu Shah.
3. Mencorak Destini oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Sri Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar.
4. Syahadan: Menyingkap 5 Nilai-Nilai Murni Untuk Sukses oleh Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim.

3. Fasa 3: Mengenal pasti Komponen Pecahan Data

Fasa seterusnya adalah fasa mengenal pasti komponen pecahan data daripada sumber data yang telah dikumpulkan dalam fasa sebelumnya. Komponen ini juga terhasil melalui beberapa sesi percambahan fikiran dan pembacaan bahan-bahan penulisan daripada Arkib UiTM. Melalui proses ini satu hipotesis

Jadual 1: Responden kaji selidik mengikut pecahan kategori

Kategori 1:	Kategori 2:	Kategori 3:	Kategori 4:	Kategori 5:	Kategori 6:
Pengurusan Tertinggi UiTM yang telah bersara	Staf UiTM bukan Melayu	Mereka yang di luar sistem UiTM (tiada kaitan dengan sistem UiTM)	Alumni UiTM	Penyelia organisasi dari latihan industri	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
9	14	22	92	14	36
Jumlah responden : 187					

am terhasil di mana identiti seseorang boleh dilihat dari komponen PESAT. Hipotesis ini dibuktikan daripada pembacaan beberapa dokumen yang didapati daripada Arkib UiTM yang dimulakan dengan beberapa skrip ucapan dari Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Arshad Ayub, pembacaan karya penulisan kepimpinan tertinggi UiTM serta sesi temu bual bersama mantan Naib Canselor UiTM. Melalui proses ini, didapati aspek yang sentiasa ditekankan adalah mengenai Pemikiran, Emosi, Semangat, Aspirasi dan Tingkah Laku. Maka, terhasillah akronim PESAT merujuk kepada 5 komponen tersebut. Komponen PESAT ini telah menunjukkan bahawa UiTM merupakan salah satu variasi universiti. PESAT telah menggambarkan bahawa UiTM berbeza jika dibandingkan dengan universiti lain. Dalam pembentukan mutasi DNA, syaratnya sesuatu objek itu perlulah berbeza berbanding objek lain. Istilah mutasi ini membawa maksud satu penyumbang kepada variasi. Maka Model Pembentukan DNA Mutasi 1 daripada komponen PESAT dihasilkan bagi fasa pembentukan pertama ini.

4. Fasa 4: Analisis Data


Seterusnya bagi mencapai objektif kajian, fasa keempat telah dilaksanakan iaitu fasa menganalisa data. Segala data yang telah dikumpulkan dari fasa ketiga dikategorikan mengikut komponen PESAT melalui kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah ini digunakan untuk meneliti data primer dan data sekunder yang telah dikumpulkan. Penelitian terhadap teks-teks ini selari dengan proses penyelidikan bagi mendapatkan hasil yang murni dan terarah. Berdasarkan pengumpulan hasil transkripsi temu bual dan juga pengumpulan data dari responden melalui kaji selidik terbuka, kajian telah menemukan beberapa aspek penting, iaitu fungsi, konstruk sosial, pascamodenisme dan psikodinamik yang sentiasa ditekankan. Ini secara langsung telah menerbitkan corak-corak atribut yang kemudian dikelompokkan menjadi beberapa tema. Dengan menggunakan metodologi penakulan induktif, tema yang telah terhasil membentuk satu akronim dinamakan PESAT yang terdiri daripada

komponen PEMIKIRAN, EMOSI, SEMANGAT, ASPIRASI dan TINGKAH LAKU.

Bagi mengamati gagasan sesebuah wacana (teks), hasil transkrip sesi temu bual, kandungan skrip, buku-buku ilmiah yang berkaitan dan dapatan data dari kaji selidik terbuka, kajian ini juga telah mengaplikasikan kaedah korpus bahasa, iaitu melalui aplikasi *Word Cloud Generator*.

Kaedah ini merupakan sebuah sistem yang boleh menunjukkan sekumpulan kata sebagai citra visual yang melibatkan frekuensi kemunculan kata dalam suatu teks murni. Berdasarkan kaedah ini, hasil kajian mendapati wujud tiga lexis yang mempunyai nilai frekuensi yang tertinggi, iaitu "Bangsa", "Ilmu", dan "Berjaya" mengambil kira kesesuaian istilah tersebut untuk dijadikan sebagai paksi atau tulang belakang struktur DNA UiTM.


Rajah 6 menunjukkan gambaran komponen Model tulang belakang DNA UiTM. Salah satu komponen tulang belakang model DNA UiTM tersebut ialah BANGSA yang tidak boleh berdiri sendiri. ILMU bertindak seperti pelekat yang menyatupadukan bangsa seterusnya akan diperkuat lagi melalui pemfokusan kepada KEJAYAAN (BERJAYA). Oleh yang demikian, hasil daripada aplikasi kaedah korpus menggunakan *Word Cloud Generator*, gambaran tulang belakang Model DNA UiTM yang sehingga kini menggerakkan UiTM berjaya dihasilkan.



Rajah 2:
Proses Analisis Data Menggunakan Kaedah Analisis Kandungan – Peringkat Pertama



Rajah 3:
Proses Analisis Data Menggunakan Kaedah Analisis Kandungan – Peringkat Kedua




Rajah 4:
Proses Analisis Data Menggunakan Kaedah Analisis Kandungan – Peringkat Ketiga




Rajah 5:

Proses Analisis Data bagi Membentuk Tulang Belakang Struktur DNA UiTM melalui kaedah Korpus Frekuensi Perkataan menggunakan aplikasi *Word Cloud Generator*



Rajah 6:
Model DNA UiTM



Rajah 7:

Komponen PESAT bersama atribut bagi setiap komponen

Rajah 7 menunjukkan atribut yang berkaitan bagi setiap komponen PESAT. Terdapat 54 atribut kesemuanya yang berjaya diekstrak melalui proses analisis data kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) daripada sumber primer dan sekunder. Penerangan lanjut bagi atribut ini boleh dilihat di bahagian 7.0.

Seterusnya adalah hubung kait komponen PESAT terhadap pemegang taruh UiTM. Rajah 8 merupakan Model Hubung kait komponen PESAT terhadap pemegang taruh UiTM. Daripada gambar rajah tersebut boleh dilihat bahawa terdapat tiga (3) pemegang



Rajah 8:

Model Hubungkait komponen PESAT terhadap pemegang taruh (stakeholder) UiTM

taruh utama di dalam UiTM, iaitu pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan (pihak pentadbiran dan pengurusan tertinggi).

PEMIKIRAN lazimnya didorong oleh EMOSI dan dipengaruhi dengan naluri. Kita juga mempunyai SEMANGAT yang akan membentuk PEMIKIRAN yang juga akan mendorong seseorang ke arah transformasi minda. Beralih kepada SEMANGAT pula, ini perlu dipupuk oleh pihak UiTM yang terdiri daripada pihak pengurusan UiTM. Contohnya, pihak pengurusan menyarankan agar para pensyarah perlu proaktif dalam pelaksanaan penyelidikan, maka SEMANGAT ini perlu dipupuk oleh pengurusan UiTM, manakala entiti yang perlu membentuk PEMIKIRAN baharu itu adalah pensyarah. Pada masa yang sama, pensyarah juga adalah entiti yang akan memupuk SEMANGAT untuk mengubah minda dalam kalangan para pelajar.

Oleh itu, komponen PEMIKIRAN, EMOSI dan SEMANGAT dikategorikan atau dikenal pasti sebagai "Tingkah laku Dalaman" kerana bermula dari dalam diri, dan juga bersifat subjektif. Oleh itu, apabila setiap daripada kita warga UiTM sudah mempunyai PEMIKIRAN yang berlandaskan identiti UiTM, secara tidak langsung akan menunjukkan satu "Tingkah Laku Luaran" yang dapat dilihat iaitu komponen TINGKAH LAKU. "Tingkah laku Dalaman", iaitu PEMIKIRAN, EMOSI DAN SEMANGAT akan mendorong ke arah pencapaian suatu ASPIRASI. TINGKAH LAKU ini boleh dilihat dan boleh dikawal dan dapat diukur dengan pencapaian atau

hasil sesuatu ASPIRASI. ASPIRASI ini akan menyumbang dan memberi impak kepada bangsa, negara masyarakat dan agama. PEMIKIRAN, EMOSI dan SEMANGAT juga membentuk kemenjadian sesuatu ASPIRASI melalui TINGKAH LAKU. Merujuk kepada penerangan di atas, maka lengkaplah aliran model hubung kait komponen PESAT terhadap pemegang taruh UiTM.

5. Fasa 5: Pembentukan Model

Pembentukan Model Fasa kelima dalam metodologi kajian ini adalah pembentukan model DNA UiTM itu sendiri. Pembentukan model DNA UiTM dihasilkan daripada proses analisis kandungan yang membawa kepada percambahan atribut setiap komponen PESAT (Rujuk rajah 9). Seterusnya, melalui kaedah korpus, kekerapan perkataan seperti "Bangsa", "Ilmu" dan "Berjaya" bertindak sebagai tulang belakang yang menyokong komponen PESAT di dalam struktur model DNA UiTM (Rujuk rajah 10).

6. Fasa 6: Validasi Pembentukan Model

Seterusnya fasa terakhir, iaitu fasa keenam yang merupakan proses validasi bagi penghasilan Model DNA UiTM ini. Proses ini memerlukan tenaga kepakaran individu tertentu yang mengenal pasti dan membuat pengamatan langsung dan kesahan terhadap perkembangan dan pemanfaatan hasil dapatan yang diperoleh berdasarkan proses menerusi fasa-fasa sebelum ini. Kajian ini telah mendapat pengesahan daripada





6.0 DEFINISI PESAT

Setiap warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) berusaha terus mara ke hadapan, berani merebut peluang, tangkas dalam tindakan dan responsif terhadap persekitaran berbekalkan akhlak yang mulia dan taqwa kepada yang Maha Esa. Dalam mendepani cabaran masa kini, PESAT merupakan amalan dan panduan terbaik agar identiti dan semangat daya juang warganya terus dipelihara. PESAT adalah simbolik kepada kod-kod genetik DNA UiTM seperti berikut:

6.1 PEMIKIRAN

Pemikiran positif yang membentuk potensi diri, berlandaskan falsafah pendidikan ke arah transformasi minda.

6.2 EMOSI

Emosi sendiri berlandaskan agama dan kepercayaan bertunjangkan niat, keikhlasan dan etika.

6.3 SEMANGAT

Semangat yang cecal dan berani dalam merebut peluang serta berwawasan tinggi.

6.4 ASPIRASI

Aspirasi kepakaran dalam bidang bertaraf global, bercirikan keperibadian unggul dan teguh jati diri untuk nusa dan bangsa.

6.5 TINGKAH LAKU

Tingkah laku beramanah dan berintegriti yang memfokus kepada nilai-nilai profesionalisme.





7.0 DEFINISI SETIAP ATRIBUT PESAT

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, model DNA UiTM terbentuk daripada lima komponen, iaitu Pemikiran, Emosi, Semangat, Aspirasi dan Tingkah laku (PESAT). Setiap komponen ini mempunyai atributnya sendiri yang menggambarkan ciri-ciri warga UiTM dan UiTM itu sendiri sebagai sebuah organisasi. Atribut bagi setiap komponen tersebut adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 7 & 9. Terdapat 54 atribut kesemuanya di dalam model PESAT. Setiap warga UiTM perlu memahami maksud setiap atribut yang terdapat di dalam model PESAT. Hal ini dikatakan demikian kerana atribut yang terdapat di dalam model ini menggambarkan ciri-ciri pemegang taruh UiTM yang menjadikan UiTM seperti hari ini.

Definisi atribut bagi setiap komponen PESAT adalah seperti yang berikut.





7.1 PEMIKIRAN

1. Pemahaman Falsafah Pendidikan

Falsafah Pendidikan bermaksud falsafah dalam menjelaskan konsep, ketegasan perbahasan, dan penilaian yang tepat. Falsafah pendidikan adalah sumber penting kepada keprihatinan untuk menetapkan agenda intelektual ahli falsafah pendidikan kontemporari. Untuk bekerja pada kedua-dua sisi tradisional ini, membahagikan antara teori dengan praktikal, perlu mengambil kira persoalan asasnya iaitu baik mengenai isu-isu asas falsafah (contohnya, sifat pengetahuan) mahupun isu-isu yang lebih spesifik yang timbul daripada amalan pendidikan. Pengenalan oleh Socrates mengenai soal siasat (kaedah Socratic) memulakan tradisi yang mana penakulan dan pencarian alasan yang mungkin membenarkan kepercayaan, pertimbangan, dan tindakan adalah

(dan tetap) menjadi dasar; pertanyaan sedemikian akhirnya menimbulkan pandangan bahawa pendidikan harus mendorong semua pelajar dan orang (sejauh mungkin, mengejar kehidupan akal).

2. Pemikiran Terbuka

Pemikiran terbuka bermaksud penerimaan terhadap idea-idea baharu. Kebebasan berfikir terbuka berkait dengan cara orang mendekati pandangan dan pengetahuan orang lain, dan "memasukkan kepercayaan bahawa orang lain bebas untuk menyatakan pandangan mereka dan nilai pengetahuan orang lain harus diakui."

3. Pemikiran positif

Pemikiran positif membawa maksud cara pemikiran yang menjurus ke arah keupayaan dan bukan ketidakupayaan. Pada asasnya, melihat pada aspek yang baik dan membina. Anjakan paradigma bermula daripada diri kita sendiri sebelum dapat memperbetul orang lain. Kita perlu beralih daripada perspektif konvensional kepada yang lebih baik lagi, beralih daripada mementingkan format dan simbol kepada hakikat dan kandungan dan beralih daripada perdebatan yang mahu mementingkan kemenangan kepada diskusi yang membuahkan hasil.

4. Pemikiran Beranjakan Paradigma

Pemikiran Beranjakan Paradigma merujuk kepada satu tindakan yang bermula daripada diri kita sendiri sebelum dapat memperbetulkan orang lain. Kita perlu beralih daripada


perspektif konvensional kepada yang lebih baik lagi, beralih daripada mementingkan format dan simbol kepada hakikat dan kandungan dan beralih daripada perdebatan yang mahu mementingkan kemenangan kepada diskusi yang membuahkan hasil.

5. Kenali potensi diri

Kenali potensi diri merujuk kepada seseorang yang inginkan perubahan dalam kehidupan, untuk mengenali kemampuan dan kebolehan yang ada pada diri. Potensi yang telah dikenal pasti tidak boleh dibiarkan terpendam dan berlalu tanpa digilap tetapi perlu dilatih bagi memastikan kecekapan terhadap sesuatu potensi diri.

6. Pemikiran Mulia

Pemikiran mulia bermaksud berfikir dengan pemikiran yang tinggi mutunya dalam menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi (bukan menggunakan logik atau cara-cara pemikiran yang biasa) sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan.







DUL RAZAK

7.2 EMOSI

1. Berpandukan al-Quran

Berpandukan Al-Quran bermaksud orang Muslim perlu berpegang teguh bahawa Islam datangnya daripada dua sumber, iaitu Al-Quran dan Sunnah, atau mengambil contoh daripada kehidupan Nabi Muhammad SAW.

2. Iman

Dari segi bahasa, perkataan Iman (إيمان) diambil daripada kata kerja 'Āamana' (ءامن) yang bermaksud "percaya" atau 'Yukminu' (يوءمن) yang bererti "percaya" atau "membenarkan". Iman juga membawa pengertian yang sama seperti l'tiqad (اعتقاد), tapi pada pengertian berbeza, manakala dari segi pengertian secara harafiah dalam Islam pula, Iman (الإيمان) bererti "percaya kepada Allah". Dengan itu, orang yang beriman adalah ditakrifkan sebagai orang yang percaya (mukmin).

3. Ikhlas

Ikhlas membawa maksud dengan hati yang suci, tulus dan tidak menipu atau tidak berpura-pura atau tidak mengharapkan apa-apa balasan atas sesuatu perkara atau pemberian yang dilakukan

4. Jati Diri

Jati diri merujuk kepada sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras, lambang keperibadian dan identiti dalam membentuk peribadi seseorang individu. Jati diri ialah unsur-unsur kehidupan yang mencerminkan lahiriah individu atau masyarakat. Dalam pengertian sahnya, jati diri ialah identiti individu, masyarakat dan negara bangsa yang punya sifat-sifat keutuhan yang dibanggakan.

5. Abaikan kata negatif

Abaikan kata negatif memberi makna bahawa apabila kita mendapat sesuatu yang lebih baik dari orang lain, akan ada dalam kalangan orang sekeliling yang memberi kata-kata negatif untuk melemahkan semangat seseorang. Kita perlulah maju ke hadapan dan abaikan apa sahaja percakapan orang terhadap diri kita yang boleh membuat kita lemah.

6. Juang

Juang bererti semangat yang tinggi demi mencapai, mendapatkan atau memperoleh sesuatu. Individu yang mempunyai ciri-ciri ini mampu mencapai kejayaan walaupun perlu menghadapi pelbagai rintangan.

7. Nawaitu

Nawaitu bermaksud keinginan yang terbit di dalam hati untuk melakukan sesuatu. Nawaitu juga bersinonim dengan perkataan niat.

8. Tawakkal

Tawakkal merujuk kepada satu keadaan yang mana seseorang berserah kepada Tuhan setelah berikhtiar, percaya dengan sepenuh hati kepada Tuhan (dalam penderitaan, kesusahan, kepayahan dan lain-lain). Seseorang akan berserah sepenuhnya kepada kekuasaan Tuhan setelah segala usaha dan ikhtiar dilakukan.







7.3 SEMANGAT

1. Cekal

Cekal bermaksud tetap dan teguh hati serta tabah dalam menghadapi sebarang kesusahan, kegagalan dan penderitaan. Seseorang individu yang cekal tidak mudah mengalah dan menyerah kalah sehingga menemui kejayaan yang di dambakan.

2. Tekun berilmu

Tekun berilmu membawa maksud bersungguh-sungguh dalam mencari ilmu agar menjadi insan yang berpengetahuan dan dapat membezakan antara yang baik atau jahat dan benar atau salah.

3. Sedar

Sedar merujuk kepada perihal tahu dan ingat akan keadaan yang sebenarnya, insaf dan mengerti akan implikasi setiap

perbuatan yang dilakukan.

4. Tekad

Tekad memberi makna kemahuan serta keazaman yang bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu dan dengan kebulatan hati. Individu yang tekad juga tidak mudah menyerah kalah dalam mengejar kejayaan.

5. Cari & Rebut Peluang

Cari & rebut peluang adalah satu tindakan yang mana seseorang itu berusaha untuk mendapatkan kesempatan yang memberi impak positif terhadapnya tanpa perlu bergantung harap daripada mana-mana pihak.

6. Berazam

Berazam bermakna mempunyai kemahuan, keinginan dan cita-cita yang sangat kuat yang mempunyai tujuan tertentu untuk dicapai.

7. Berpadu

Berpadu memberi maksud suatu keadaan apabila bercampur menjadi satu, sehati dan bersatu. Berpadu juga dianggap sebagai mempunyai ciri permuafakatan dalam mencapai suatu matlamat.

8. Berwawasan

Berwawasan merujuk kepada ciri-ciri seorang individu yang mempunyai pandangan jauh tentang kemajuan atau perkembangan masa depan sesebuah organisasi atau negara. Dengan adanya hala tuju atau wawasan yang jelas, segala usaha yang diambil disasarkan ke arah pencapaian objektif yang ditetapkan.


9. Berani

Berani bermaksud gagah, bukan pengecut, dan perkasa. Mereka yang mempunyai sifat ini tabah dalam menghadapi bahaya dan kesulitan.

10. Berdikari

Berdikari bermakna berdiri atas kaki sendiri, tidak mengharapkan orang lain untuk menolongnya. Istilah ini kebiasaannya melibatkan situasi seseorang itu belajar untuk hidup.







7.4 ASPIRASI

1. Bertaraf global

Bertaraf global membawa maksud keadaan yang mana seseorang itu bersifat menyeluruh dalam segala bidang, berpengaruh dan dikenali di seluruh dunia.

2. Insan berintegrasi

Insan berintegrasi memberi makna sahsiah unggul seorang individu yang mampu melibatkan diri dalam persekitaran yang adanya elemen kerjasama/usahasama dan bukan bersifat terasing.

3. Peribadi Unggul

Peribadi unggul membawa maksud sahsiah yang terbina daripada akidah yang mantap, iman yang teguh, akhlak yang mulia, jihad dan daya juang yang tinggi. Individu yang mempunyai

ciri-ciri peribadi unggul mempunyai keyakinan diri, berjiwa peneroka, tabah membangun dan memiliki upaya bijaksana mendepani karenah zaman dan cabaran lingkungan.

4. Menjadi pemimpin negara

Menjadi pemimpin negara merujuk kepada keupayaan seseorang untuk meloloskan diri bermain politik hingga berjaya menjadi pentadbir negara. Aspirasi ini perlu ada dalam diri setiap individu yang berhasrat membina sifat kepimpinan yang hebat.

5. Membangun modal insan

Membangun modal insan membawa maksud satu pelaburan dalam membentuk dan melahirkan manusia yang akan menghasilkan pertumbuhan ekonomi. Contohnya, negara menawarkan pendidikan perguruan percuma kepada rakyatnya kerana sedar bahawa penduduk yang berpendidikan tinggi cenderung memperoleh lebih banyak dan membelanjakan lebih banyak, sehingga dapat merangsang ekonomi dengan baik. Dalam pengertian yang lebih mendalam, modal insan lebih daripada sekadar tenaga kerja fizikal orang yang bekerja untuk sebuah organisasi. Ini adalah sebilangan besar sifat tidak ketara yang dibawa oleh orang-orang tersebut kepada organisasi yang dapat menolongnya untuk berjaya. Antaranya ialah merangkumi pendidikan, kemahiran, pengalaman, kreativiti, keperibadian, kesihatan yang baik, dan akhlak. Bagi majikan, melabur dalam modal insan melibatkan komitmen seperti latihan pekerja, bonus dan faedah pendidikan,

bantuan keluarga dan pembiayaan biasiswa kolej. Manakala bagi pekerja pula, memperoleh pendidikan adalah pelaburan yang paling jelas dalam modal insan.

6. Berbakti kepada nusa dan bangsa

Berbakti kepada nusa dan bangsa memberi makna bahawa seseorang individu itu hendaklah membuat bakti, berjasa, serta taat setia dan menyumbang semula kepada tanah air (tanah tumpah darahnya) dan bangsa setelah mengecapi kejayaan sebagai tanda berterima kasih.

7. Kepakaran pelbagai bidang


Kepakaran pelbagai bidang merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran seseorang pakar dalam pelbagai lapangan. Para profesional yang menjalankan kepakaran mesti mempunyai akreditasi dan mereka mestilah menjadi orang yang berkeelayakan dalam perkara yang melibatkan penilaian dan penelitian. Jika tidak, kepakaran mereka tidak akan mempunyai kesahihan hukum. Istilah ini juga merujuk kepada tahap kompetensi yang tinggi oleh seseorang serta pengiktirafan yang diterima daripada badan pemantau.

8. Pembangunan ekonomi

Pembangunan ekonomi merupakan satu istilah untuk menggambarkan aspirasi perubahan dalam ekonomi suatu negara yang melibatkan pembaikan kualitatif mahupun kuantitatif. Dalam teori pembangunan ekonomi, ini bermaksud bagaimana ekonomi primitif dan miskin dapat berkembang menjadi yang canggih dan relatif makmur.







7.5 TINGKAH LAKU

1. Terapkan nilai agama

Penerapan nilai agama membawa maksud satu proses menanamkan penghayatan terhadap cerminan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan memberi manfaat kepada masyarakat. Agama Islam sangat bersinonim dengan nilai-nilai baik seperti keadilan dan kesaksamaan.

2. Toleransi

Toleransi membawa erti kesanggupan untuk bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan. Toleransi juga merupakan sikap saling menghormati dan menghargai antara satu sama lain.

3. Komited/Beriltizam

Komited/beriltizam merujuk kepada

ciri-ciri seseorang yang menunjukkan rasa tanggungjawab terhadap sesuatu perkara atau pekerjaan yang dilakukan. Seseorang yang fokus sewaktu melakukan sesuatu sehingga mendapat keputusan yang diinginkan adalah sinonim dengan istilah komited/beriltizam ini.

4. Berbakat

Berbakat merujuk kepada kebolehan semula jadi yang dikembangkan ke peringkat lebih tinggi berbanding dengan usia dan pengalaman.

5. Berdisiplin

Berdisiplin membawa maksud patuh dan taat pada peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Berdisiplin juga membawa erti latihan pemikiran dan kelakuan supaya seseorang boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tatatertib.

6. Kredibiliti

Kredibiliti bermaksud sifat boleh dipercayai atau diyakini serta mempunyai kebolehpercayaan. Kredibiliti juga berkaitan rapat dengan kualiti, keupayaan, atau kekuatan untuk menimbulkan kepercayaan.

7. Sabar

Sabar memberi maksud tenang menahan penderitaan, kesakitan, kesusahan, kemarahan dan lain-lain, tidak terburu-buru dan tidak mendesak. Sabar juga merupakan sikap menahan emosi dan keinginan, serta bertahan dalam situasi sulit dengan tidak mengeluh. Sabar merupakan kemampuan mengendalikan diri

yang juga dipandang sebagai sikap yang mempunyai nilai tinggi dan mencerminkan kekukuhan jiwa orang yang memilikinya. Semakin tinggi kesabaran seseorang semakin kukuh juga ia dalam menghadapi segala macam masalah yang terjadi dalam kehidupan. Sabar juga sering dikaitkan dengan tingkah laku positif yang ditonjolkan oleh individu atau seseorang.

8. Tangkas

Tangkas membawa erti cepat dalam gerak-geri, cergas, tangkas, dan pantas.

9. Mendorong

Mendorong bermaksud memberangsangkan, mempengaruhi, menyebabkan terjadinya sesuatu. Juga berkaitan dengan sesuatu yang menggalak, menganjur, mendesak dan meransang.

10. Jalinkan rangkaian kerjasama

Jalinkan rangkaian kerjasama merujuk kepada kewujudan hubungan kolaborasi yang melibatkan tindakan bekerja dengan orang lain untuk membuat sesuatu atau menghasilkan sesuatu. Juga sama maksudnya dengan membentuk satu pasukan yang bekerjasama dengan anggota jabatan yang sama menjalankan aktiviti berterusan yang memerlukan koordinasi. Jalinkan rangkaian kerjasama merupakan perjanjian dan tindakan yang dibuat dengan memberi persetujuan organisasi untuk berkongsi sumber bagi mencapai tujuan bersama. Perkongsian kolaboratif bergantung pada penyertaan oleh sekurang-kurangnya terdapat dua pihak yang

bersetuju untuk berkongsi sumber, seperti kewangan, pengetahuan, dan orang. Organisasi dalam perkongsian kolaboratif bermaksud berkongsi tujuan bersama. Inti perkongsian kolaboratif adalah untuk semua pihak mendapat manfaat bersama daripada kerjasama yang diwujudkan.

11. Amanah dan integriti

Amanah dan integriti merupakan dua perkataan yang saling beriringan dan memerlukan. Dengan amanah, lahirilah kepercayaan atau integriti. Amanah atau amanat diertikan sebagai sesuatu yang dipercayakan kepada seseorang. Perkataan integriti pula berasal daripada perkataan Latin, iaitu *Integritas* yang berasal daripada perkataan *intact* dan *whole*.

12. Beradab dengan guru dan ilmu

Beradab dengan guru dan ilmu merupakan sifat pertama yang perlu ada pada setiap pelajar dalam memelihara suasana menghormati guru. Guru wajib dihormati kerana kedudukannya sebagai penyampai ilmu kepada pelajar. Pelajar juga wajib menghormati guru kerana kedudukannya sebagai penerima ilmu daripadanya.

13. Pembudayaan penyelidikan

Pembudayaan penyelidikan membawa maksud satu persekitaran yang mengamalkan aktiviti kajian dan penyelidikan antara disiplin dan pelbagai bidang di dalam dan luar negara. Warga akademik UiTM, sama ada pelajar mahupun pengajar, seharusnya menjadikan aktiviti penyelidikan secara berterusan ini satu budaya yang perlu diamalkan.

14. Mesra dan profesional

Mesra bermaksud ciri-ciri yang menampilkan perasaan suka bekerjasama dan berkasih sayang dalam mewujudkan sebuah organisasi yang lebih mantap. Profesional pula merujuk kepada kemampuan atau kemahiran yang khusus untuk melaksanakan sesuatu perkara. Mengamalkan sesuatu kerana pengetahuan, kepakaran, dan kemahirannya dalam sesuatu bidang profesion akan menjadikan seseorang itu bersifat atau bertaraf profesional.

15. Rajin Berusaha

Rajin berusaha bererti satu tindakan daya usaha dan kerajinan dalam mengecapi sesuatu kejayaan yang merujuk kepada citi-cita dan impian hidup.

16. Berhemah

Berhemah membawa maksud beradab sopan dan mempunyai budi pekerti yg tinggi dan mulia. Berhemah juga bererti berbudi bahasa dalam interaksi, berkelakuan sopan, beramah tamah, mudah menyesuaikan diri dalam situasi baharu dan tidak memilih status dalam pergaulan.

17. Fokus

Fokus bererti keupayaan dalam memberi perhatian atau pemikiran khusus kepada objek atau aktiviti. Fokus juga merupakan tindakan atau kuasa untuk menumpukan perhatian semua orang.

18. Istiqamah

Istiqamah membawa maksud ketaatan dalam menjalankan sesuatu suruhan

secara terus-menerus (termasuk urusan agama).

19. Inovatif

Inovatif merupakan kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik, sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Sesuatu yang inovatif merupakan hasil cetusan idea-idea yang kreatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

20. Muafakat

Muafakat membawa maksud bersetuju dan seia sekata yang dapat mencapai kata putus dan kesepakatan dalam membuat sesuatu keputusan. Sesuatu perkara perlu dibawa berbincang agar tercapai persetujuan bersama.

21. Berkeyakinan

Berkeyakinan membawa makna kepercayaan yang tidak berbelah bagi. Warga UiTM perlu mempunyai keyakinan diri yang merupakan kepercayaan bahawa dirinya boleh mengendalikan kehidupan dengan baik serta segala menangani cabaran yang dihadapi dengan jayanya.

22. Bersikap mulia

Bersikap mulia memberi maksud tindakan yang murni yang mendatangkan keselesaan kepada suatu kumpulan manusia, haiwan atau persekitaran.







8.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini merupakan satu kajian rintis yang menyumbang kepada pemprofilan identiti dan kelestarian jati diri warga UiTM. Berlatar belakangkan setiap warganya, kajian ini menjadi motivasi kepada para pengkaji untuk menerokai akan signifikan kewujudan UiTM seterusnya menghasilkan satu model yang mewakili kesemua elemen tulang belakang yang diperolehi. Hasil kajian ini boleh menjadi rujukan dan sumber kepada pihak pengurusan tertinggi khususnya dalam pembentukan modal insan dan pelaksanaan perancangan strategik. Pembentukan model ini juga dihasilkan menerusi pendekatan sains dalam bidang Biologi yang memfokuskan istilah DNA sebagai metafora. Maka, lahirlah sebuah model DNA UiTM berteraskan komponen

PESAT iaitu Pemikiran, Emosi, Semangat, Aspirasi dan Tingkah laku yang disokong oleh elemen tulang belakang DNA itu sendiri iaitu komponen Bangsa, Ilmu dan Berjaya. Kajian ini berasaskan *grounded theory* yang mana ia membuka ruang kepada penyelidik lain untuk mengkajinya dengan lebih mendalam. Hasil dapatan melalui kajian ini juga dapat memecahkan kebuntuan aspek DNA UiTM yang masih belum diterokai. Harapan seterusnya agar selepas ini akan ada kajian-kajian bersifat kuantitatif dan eksploratif bagi memperkembangkan seterusnya memantapkan lagi model DNA UiTM dan menghasilkan mutasi DNA UiTM yang seterusnya.



9.0 SOALAN LAZIM BERKAITAN MODEL DNA UiTM

1. Apa itu Model DNA UiTM?

Model DNA UiTM merupakan model yang terdiri kod-kod genetik yang membentuk jati diri bangsa berilmu dan berkemahiran dalam menerokai variasi kehidupan seiring semangat daya juang insan untuk berjaya menerajui ketamadunan sejagat.

2. Bagaimana teretusnya ilham untuk membentuk Model DNA UiTM?

Ilham bagi membentuk Model DNA UiTM terhasil apabila satu masalah dikenal pasti yang mana UiTM masih belum ada satu model yang mewakili DNA warga UiTM yang boleh dijadikan rujukan ke arah pembentukan modal insan UiTM.

3. Bagaimana model DNA UiTM terbentuk?

Model DNA terbentuk dari tiga siri pengumpulan data sumber primer dan sekunder iaitu hasil penulisan mantan Naib Canselor UiTM, sesi temubual khas bersama mereka dan kaji selidik terbuka bersama 6 kategori responden yang telah dikenalpasti.

4. Apakah 6 kategori responden tersebut?

6 kategori itu adalah Kategori 1: Pengurusan tertinggi UiTM yang telah bersara, Kategori 2: Staf UiTM yang bukan Melayu, Kategori 3: Mereka yang di luar sistem UiTM (Tiada kaitan dengan UiTM),

Kategori 4: Alumni UiTM, Kategori 5: Penelia pelajar dari latihan industri dan Kategori 6: Majlis Perwakilan Pelajar.

5. Berapakah komponen yang ada di dalam Model DNA UiTM?

Terdapat lima komponen di dalam Model DNA UiTM iaitu PEMIKIRAN, EMOSI, SEMANGAT, ASPIRASI DAN TINGKAH LAKU (PESAT)

6. Bagaimana terbentuknya lima komponen tersebut?

Pada permulaannya hanya tiga komponen yang terbentuk daripada hasil penyelidikan awal melalui sesi percambahan fikiran (*brainstorming*), pembacaan hasil penulisan mantan Naib Canselor dan sesi temu bual iaitu komponen PEMIKIRAN, EMOSI dan TINGKAH LAKU. Setelah dikaji secara lebih mendalam, terdapat dua lagi komponen yang signifikan iaitu ASPIRASI dan SEMANGAT. Maka dengan itu terbentuklah satu akronim iaitu PESAT. yang terdiri daripada lima komponen tersebut.

7. Di dalam model DNA UiTM terdapat tiga perkataan iaitu Bangsa, Berilmu dan Berjaya. Apakah yang dimaksudkan dengan tiga perkataan tersebut?

Bangsa, Berilmu dan Berjaya merupakan tulang belakang DNA UiTM yang terbentuk melalui analisis frekuensi perkataan dari sumber data yang diperolehi. Ini

mengambil kira struktur DNA yang sebenar yang mempunyai tulang belakang yang membentuk DNA dari sudut epistemologi biologi.

8. Bagaimanakah warna DNA ditentukan?

Warna DNA UiTM ditentukan dengan merujuk kepada warna DNA di dalam badan manusia yang mewakili setiap satu sifat yang berbeza. Ini menggambarkan komponen di dalam DNA UiTM.





MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA ITM 1973





10.0 LIRIK LAGU "BANGSA BERILMU BERJAYA"

Verse:

Berdiri megah, menara indah,
lambang kemegahan bangsa berjaya
Bangsa berilmu, melakar kejayaan di
pelbagai arena

Berusaha terus MARA, mendepani
cabaran

Berpasakkan warisan budaya
Wujudkan kejiwaan padamu UiTM,
daya juang insan merdeka.

Korus:

PEMIKIRAN positif, bentuk potensi diri
EMOSI sendiri berlandaskan agama
SEMANGAT yang berani dan
berwawasan tinggi

ASPIRASI global, teguh jati peribadi
TINGKAH LAKU amanah, kekal
berintegriti

Verse:

Kami anak watan, pelapis bangsa,
generasi semangat waja
Ayuh semua berpadu tenaga, sinergi
usaha sama

Genggam tanganmu segera tuntas
tingkah lakumu

Pastikan impian nyata terlaksana
Ikrar kami warga sejati UiTM
Bangsa Berilmu dan Berjaya (2x)

Lirik dan Lagu:

Mudiana binti Mokhsin@Mison

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sumbangan dan kerjasama pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung antaranya adalah:

Pro-Canselor Universiti Teknologi MARA

YABhg. Tun Arshad Ayub

Pengerusi UiTM

YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah

Penaung

YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Pengetua Dewan Latehan RIDA / Pengarah / Rektor ITM / Naib Canselor UiTM

Tuan Syed Alwi Bin Syed Sheikh Al-Hadi

Encik Abdul Samad Ibrahim

Encik Mohd Darus Bin Taib

Encik Basha Merican

Mr. Donald Ross Liggett

YABhg. Tun Arshad Ayub

YBhg. Dato' Lokman bin Musa

YBhg. Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Awang Had bin Salleh

YBhg. Dato' Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid

YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Haji Mohd Mansor bin Haji Salleh

YBhg. Datuk Prof. Ir Haji Ahmad Zaidee bin Laidin

YBhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim bin Abu Shah

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said

YBhg. Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim

YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Barisan Penyelidik

YBhg. Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi (TNC HEP, UiTM)

YBhg. Prof. Dr. Amer Shakir Zainol (IMPAK/FSSR)

YBhg. Prof. Ir. Dr. Haji Abdul Rahman Omar, JSM

Ts. Mudiana binti Mokhsin@Mison (IMPAK/FSKM)

Dr. Afdallyna Fathiyah Harun (FSKM)

Ts. Dr. Wan Norhayati Wan Hanafi (FSG)

Nur Huda Nabihan (FSKM)

Umaimah Kamarulzaman (APB)

Mohd Husni Mohd Som (IMPAK)

Pakar Rujuk Bahasa Melayu

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim

Kakitangan IMPAK

Dr. Khairudin Murad

Dr. Mohd Rahim Khamis

Mohammad Sufian Abdul Manan

Hussein Harnis

Rohana Bt Mohamed

Muhamad Fadzil Ariff Mohd Sahir

Imej dan Foto

Jabatan Arkib Universiti

Jabatan Komunikasi

Kajian ini juga telah dijalankan dengan dibiayai oleh dana Geran Penyelidikan MyRA LESTARI bernilai RM20000 (No. Fail Rujukan: 600-RMC/MYRA 5/3/LESTARI (131/2020)).

UiTM DI HATIKU

Wujudmu di sini
Di tanah anak merdeka
Bagai obor ilmu
Memayungi putera-puteri nya
Pelopor hidup, budaya bangsa, agama,
negara
Pembentuk akhlak manusia
Agar jadi sempurna

Ku yang melangkah ke sini ingin
mempelajari
Rahsia di muka bumi dengan cara hakiki
Tunjukkan aku jalan ilmumu untukku
menuju
Destinasi cita-cita negara dan bangsaku

Majulah bangsa
Maju negara
Berkat usaha jaya MARA
Kami berikrar akan berjaya
Hingga kita berjaya
Demi bangsa

Watikah yang ku miliki kan ku semat dihati
Janji ku pada pertiwi untuk menabur bakti
Ku sempurnakan seikhlas hati membela
negara
Doa restu ayah bonda ku untuk mu semua

UiTM...USAHA, TAQWA, MULIA

Komposer & Lirik: Osman Mohamed

WAWASAN SETIA WARGA UiTM

Bersatu kita warga UiTM
Kita bangsa perkasa

Taat dan setia ku untuk negara
Penuh semangat waja

Kita
Jangan mudah terlupa
Pengorbanan perjuangan anak bangsa.

Kita
Jangan mudah terleka
Kemajuan keamanan yang ada.

Kita
Berterima kasih
Pada pemimpin-pemimpin negara.

Kita
Rasa penuh bersyukur
Kerahmatan, kemuliaan dariNya.

Kamilah Pendokong, pewaris bangsa
Kamilah Pendaulat, bangsa Malaysia
Kamilah Warga berwawasan
Untuk negaraku.

*Komposer: Sahar Sa'di Hashim
Lirik: Dato' Prof. Dr. Ahmad. Hj. Zainuddin*



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Pelajar

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam, Selangor
Malaysia

Tel : (+603)55442044/3769/3465/3523
Faks : (+603)55443535

ISBN 978-967-11172-7-9



9 789671 117279